



Ruj. Kami : KUDR/TMBB/A/04/25/0325 (21)
Tarikh : 4 Julai 2025

TM TECHNOLOGY SERVICES SDN. BHD.

Telekom Malaysia,
Ibusawat TM Jelapang,
Jalan Jelapang,
30020 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: Cik Nor Fatekha binti Yusoff)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : KERJA-KERJA MENANAM TIANG KONKRIT SEBANYAK 34
BATANG TIANG KONKRIT DI SEPANJANG JALAN SRR FTTH
SRL_CXXX TAMAN KURAU MURNI UNTUK PROJEK
(TMNA/251237 - SRR FTTH SRL_CXXX TAMAN KURAU MURNI)**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Taiping dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM15,240.96 seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-04-0325/25).
ii.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 1,700.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf atas nama Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping kepada Majlis Perbandaran Taiping.
iii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 3,000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Perbandaran Taiping.
iv.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara clean-cut with diamond cutter atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
v.	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan compactor (600mm).
vi.	Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja.





Ruj. Kami : KUDR/TMBB/A/04/25/0325 (21)
Tarikh : 14 Julai 2025

**PROJEK / KERJA : KERJA-KERJA MENANAM TIANG KONKRIT SEBANYAK 34
BATANG TIANG KONKRIT DI SEPANJANG JALAN SRR FTTH
SRL_CXXX TAMAN KURAU MURNI UNTUK PROJEK
(TMNA/251237 - SRR FTTH SRL_CXXX TAMAN KURAU MURNI)**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (insured), Yang DiPertua Majlis Perbandaran Taiping serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Taiping seperti di lampiran.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nurhanies Sofea binti Mohamad Azuan** di talian **018-5749099** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/11072025/Wan/Sofea





Ruj. Kami : KUDR/TMBB/A/04/25/0325 (21)
Tarikh : 14 Julai 2025

**PROJEK / KERJA : KERJA-KERJA MENANAM TIANG KONKRIT SEBANYAK 34
BATANG TIANG KONKRIT DI SEPANJANG JALAN SRR FTTH
SRL_CXXX TAMAN KURAU MURNI UNTUK PROJEK
(TMNA/251237 - SRR FTTH SRL_CXXX TAMAN KURAU MURNI)**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

salinan kepada:

- 1. Yang Dipertua,**
Majlis Perbandaran Taiping,
Wisma Perbandaran Taiping,
Jalan Taming Sari,
34000 Taiping,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: Bahagian Kejuruteraan)

